

Warga asing dominasi pelacuran negara

SEIRING proses pembangunan dan pemodenan, Malaysia kini berdepan dengan fenomena membimbangkan iaitu keruntuhan nilai kemanusiaan. Untuk kesekian kalinya, isu pelacuran kembali menjadi perhatian ramai pihak.

Meskipun hangat diperdebatkan saban tahun, kegiatan pelacuran yang dikenali sebagai industri tertua di dunia ini dilihat tiada pasang surutnya.

Saban hari rakyat disajikan dengan laporan kes pelacuran sama ada di akhbar mahupun di kaca televisyen. Misalnya, *Berita Harian* bertarikh 28 Mac lalu melaporkan 14 pekerja seks ditahan di dua premis kedai yang berselindung di sebalik perniagaan urut kaki dan pusat penjagaan kesihatan.

Mereka menawarkan perkhidmatan seks dengan sejumlah bayaran tambahan dikenakan kepada pelanggan yang ingin melanggan perkhidmatan terbabit. Ini antara senario dan helah yang biasa dilakukan sindiket pelacuran untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Statistik terkini dari Unit Pencegahan Maksiat Bahagian Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) Polis Bukit Aman pada Januari hingga 15 Februari lalu menunjukkan warga asing paling ramai ditangkap kerana terbabit dalam pelacuran iaitu warga China 653 orang, diikuti warga Vietnam (367), Thailand (300), Mongolia (enam), Nigeria dan Sri Lanka masing-masing empat dan India (satu).

Melihat pada lambakan pekerja seks warga asing yang kebanyakannya datang dari negara terbabit menyebabkan punca utama kegiatan tidak bermoral ini mendapat permintaan tinggi di pasaran.

Lebih-lebih lagi, mereka mempunyai kelebihan dari segi rupa paras dan bentuk badan. Kemasukan mereka ke negara ini rata-ratanya menggunakan dua taktik utama. Pertama menggunakan visa dan



● GAMBAR HIASAN

KEGIATAN pelacuran warga asing semakin berleluasa.

menyalahgunakan pas lawatan sosial sebagai pekerja, pelajar dan tidak kurang juga sebagai pelancong ketika melalui pintu masuk utama imigresen.

Kedua, masuk melalui ejen atau sindiket dengan membayar sejumlah wang sebagai upah membawa mereka masuk ke Malaysia. Bagaimanapun, taktik terbaru warga asing memasuki negara ini untuk bekerja sebagai pelacur dengan mengupah dan mengahwini lelaki Malaysia selama lima tahun dalam erti kata lain 'kahwin kontrak'.

Persoalannya di sini, apakah punca kegiatan pelacuran warga asing ini semakin berleluasa? Mengapa mereka memilih Malaysia sebagai pusat kegiatan berkenaan? Jika dikaji dengan lebih teliti aktiviti pe-

lacuran ini, kebanyakan pelacur warga asing mempunyai sebab tersendiri mengapa mereka memilih Malaysia untuk menjalankan kegiatan tidak bermoral ini.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kongsi gelap, Judi dan Maksiat (D7) Polis Bukit Aman, Datuk Abdul Jalil Hassan memberitahu wakil media, faktor kemudahan pengangkutan menjadi galakan kepada mereka datang ke negara ini.

Kos begitu murah dalam sistem pengangkutan seperti penerbangan kos murah dan mudah untuk dicapai melalui internet menjadi pemangkin untuk mereka mengunjungi negara ini.

Faktor lain yang menjadikan pelacur warga asing memilih Malaysia sebagai destinasi utama aktiviti

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

maksiat mereka ialah untuk meraih pendapatan lumayan.

Mereka hanya perlu menjual tubuh dalam masa singkat untuk memperoleh sejumlah wang yang banyak bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Apatah lagi kini peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi di bandar menyebabkan mereka sanggup untuk melakukan apa saja bagi meneruskan kehidupan di sini.

Justeru, tindakan menghentikan visa ketibaan dan pas lawatan sosial kepada warga asing dapat membantu pihak imigresen dalam membendung kegiatan pelacuran. Langkah ini dilihat sangat tepat dan dalam masa yang sama dapat membantu pihak imigresen mengekang kegiatan jenayah lain atau salahguna pas berkenaan bagi tujuan maksiat.

Polis juga harus memantau semua warga asing yang masuk ke negara ini bagi memastikan mereka masuk dengan tujuan betul. Selain itu, pihak berkuasa tempatan juga diharapkan dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara untuk bersama-sama menghapuskan sindiket pelacuran.

Aktiviti pelacuran ini sebenarnya tergelincir daripada norma kehidupan budaya timur yang diamalkan masyarakat di Malaysia.

**NORULZIHA
ABDUL MUBIN,**

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM)*